A

Turnpike Synergy Sdn Bhd lwn Chengaljati Sdn Bhd

B

MAHKAMAH TINGGI (KUALA LUMPUR) — SAMAN PEMULA NO WA-24NCC-100–03 TAHUN 2019
AZIZUL AZMI ADNAN H
23 OGOS 2019

C

Prosedur Sivil — Injunksi — Injunksi Fortuna — Plaintif menamatkan kontrak dan penglibatan defendan — Defendan memberi notis di bawah s 466 Akta Syarikat 2016 — Sama ada perintah injunksi wajar diketepikan — Sama ada keberhutangan yang disandarkan merupakan keberhutangan yang dipertikaikan secara bona fide — Kaedah-Kaedah Mahkamah 2012

D

Plaintif telah memohon untuk suatu injunksi untuk menghalang defendan dari memfailkan apa-apa tindakan untuk menggulungkan plaintif, iaitu injunksi Fortuna. Setelah suatu injunksi interim ex parte dibenarkan oleh mahkamah, defendan pula memohon supaya injunksi ex parte tersebut diketepikan. Plaintif merupakan majikan projek pembinaan lebuh raya Sungai Besi–Ulu Kelang manakala defendan merupakan kontraktor utama bagi salah satu pakej pembinaan tersebut. Pada bulan Ogos 2018, plaintif telah menamatkan kontrak dan penglibatan defendan oleh kerana defendan dikatakan gagal untuk menjalankan kerja dan tugasnya dalam projek tersebut secara wajar. Pada 31 Januari 2019, defendan memberi notis di bawah s 466 Akta Syarikat 2016 yang menuntut sebanyak RM29.7 juta yang dikatakan sebagai 'tuntutan akhir' di bawah kontrak pembinaan projek tersebut, dan juga RM7.5 juta yang merupakan wang tahanan di bawah kontrak. Selepas prosiding ini dimulakan oleh plaintif, defendan juga telah memfailkan tindakan writ saman di Mahkamah Tinggi Malaya di Kota Bharu.

E

F

G

Diputuskan, menolak permohonan defendan dan membenarkan saman pemula plaintif:

H

(1) Proses permulaan prosiding telah dituruti secara sempurna oleh plaintif. Tiada keperluan timbul untuk plaintif memfailkan writ saman bagi tujuan mendapatkan suatu injunksi interim. Tiada keperluan juga bagi plaintif untuk membuat apa-apa permohonan untuk menukarkan saman pemula kepada writ saman apabila berada di peringkat pendengaran inter partes. Tidak ada apa-apa prosedur atau kaedah mahkamah yang menghalang satu afidavit sokongan digunakan bagi tujuan menyokong kedua-dua notis permohonan dan saman pemula dalam kes ini. Penggunaan satu afidavit untuk menyokong dua permohonan berlainan tidak melanggar peruntukan A 28 k 3C Kaedah-Kaedah Mahkamah

I

2012. Injunksi interim yang diberikan secara ex parte sebelum ini tidak bermaksud untuk mengekang sebarang tindakan mahkamah setelah merit pertikaian di antara pihak-pihak didengar dan diputuskan (lihat perenggan 9–11).

(2) Keberhutangan yang disandarkan oleh defendan merupakan keberhutangan yang dipertikaikan secara bona fide oleh plaintif. Pertikaian sama ada plaintif berhak membuat penolakan bergantung kepada isu sama ada penamatan kontrak oleh plaintif adalah wajar di sisi undang-undang. Defendan yang memulakan writ saman untuk mendapatkan deklarasi bahawa penamatan tersebut adalah salah di sisi undang-undang menunjukkan bahawa keberhutangan yang didakwa oleh defendan sebenarnya dipertikaikan secara bona fide di antara pihak-pihak (lihat perenggan 16 & 18–19).

[English summary

The plaintiff had applied for an injunction to prevent the defendant from filing any action to wind up the plaintiff, ie Fortuna injunction. Once an ex parte interim injunction was allowed by the court, the defendant applied that the ex parte injunction be set aside. The plaintiff was the employer of the Sungai Besi–Ulu Kelang highway construction project while the defendant was the main contractor for one of the construction packages. In August 2018, the plaintiff terminated the defendant's contract and involvement because the defendant was deemed to have failed to properly perform his work and duties in the project. On 31 January 2019, the defendant issued a notice under s 466 of the Companies Act 2016 claiming RM29.7m as 'final claim' under the construction contract of the project, as well as RM7.5m being the detention money under the contract. After this proceeding was initiated by the plaintiff, the defendant had also filed a writ suit in the High Court of Malaya in Kota Bharu.

Held, dismissing the defendant's application and allowing the plaintiff's originating summons:

(1) The process of commencement of the proceedings was properly followed by the plaintiff. There was no need for the plaintiff to file a writ of summons for the purpose of obtaining an interim injunction. There was also no requirement for the plaintiff to make any application to convert the originating summons to writ of summons when he was at the inter partes hearing stage. No court procedure or procedure prevented an affidavit in support being used for the purpose of supporting both the notice of application and the originating summons in this case. The use of an affidavit in support of two separate applications did not violate the provisions of O 28 r 3C of the Rules of Court 2012. The interim injunction granted ex parte was not intended to restrain any court action

after the merits of a dispute between the parties were heard and decided (see paras 9–11).

(2) The indebtedness relied by the defendant was a bona fide disputed indebtedness by the plaintiff. The dispute over whether the plaintiff had a right to set off depended on the issue of whether the termination of the contract by the plaintiff was lawful. The defendant who filed a writ of summons seeking a declaration that the termination was unlawful indicated that the indebtedness alleged by the defendant was in fact bona fide dispute between the parties (see paras 16 & 18–19).]

Kes-kes yang dirujuk

Fortuna Holdings Pty Ltd v Deputy Federal Commissioner of Taxation (1976) 2 ACLR 349, MA (dirujuk)

Mobikom Sdn Bhd v Inmiss Communications Sdn Bhd [2007] 3 MLJ 316; [2007] 3 CLJ 295, MR (dirujuk)

Undang-undang yang dirujuk

Akta Syarikat 2016 s 466

Kaedah-Kaedah Mahkamah 2012 A 28 k 3C

R Vatsala (Dennis Khong and Chong Yet Yin with her) (Zain & Co) bagi pihak plaintif.

Ahmad Fadhli Salleh (Zahari Affendi Abdul Kadir with him) (Zahari Affendi & Partners) bagi pihak defendan.

Azizul Azmi Adnan H:

[1] Plaintif di dalam kes ini telah memohon untuk suatu injunksi untuk menghalang defendan dari memfailkan apa-apa tindakan untuk menggulungkan plaintif, iaitu suatu injunksi yang lazim dikenali sebagai injunksi Fortuna. Setelah suatu injunksi interim ex parte dibenarkan oleh mahkamah, defendan pula memohon supaya injunksi ex parte tersebut diketepikan.

[2] Setelah mendengar hujahan pihak-pihak atas dasar inter partes, saya telah menolak permohonan defendan dan membenarkan permohonan injunksi tersebut.

[3] Alasan bagi keputusan-keputusan tersebut diturunkan di sini.

LATAR BELAKANG KES

[4] Plaintif merupakan majikan projek pembinaan lebuh raya Sungai Besi–Ulu Kelang, yang lebih dikenali dengan akronim SUKE (atau, dalam

bahasa Inggeris, Sungai Besi–Ulu Kelang Expressway). Defendan merupakan kontraktor utama bagi salah satu pakej pembinaan tersebut, iaitu pakej CA-1.

[5] Pada bulan Ogos 2018, plaintif telah menamatkan kontrak dan penglibatan defendan oleh kerana defendan dikatakan gagal untuk menjalankan kerja dan tugasnya dalam prejek tersebut secara wajar.

[6] Pada lebih kurang 31 Januari 2019, defendan memberi notis di bawah s 466 Akta Syarikat 2016. Di dalam notis ini, defendan menuntut sebanyak RM29.7 juta yang dikatakan sebagai 'Tuntutan Akhir' di bawah kontrak pembinaan prejek tersebut, dan juga RM7.5 juta yang merupakan wang tahanan di bawah kontrak.

[7] Selepas presiding ini dimulakan oleh plaintif, defendan juga telah memfailkan tindakan writ saman di Mahkamah Tinggi Malaya di Kota Bharu.

PERMOHONAN PENGENEPIAN

[8] Seperti yang dikatakan di atas, defendan telah memfailkan permohonan di kandungan 16 untuk mengenepikan perintah injunksi interim ex parte. Tiga alasan diberikan mengapa, pada pendapat peguam terpelajar defendan, perintah injunksi tersebut wajar diketepikan:

(a) *kewajaran proses saman semula*. Pihak defendan berpendapat bahawa permohonan injunksi perlu disokong suatu afidavit berasingan. Beliau berhujah bahawa afidavit yang diikrarkan bagi pihak plaintif hanya menyokong notis permohonan ex parte tetapi tidak menyokong saman semula secara keseluruhan;

(b) *relif yang dipohon bersifat kekal*. Seterusnya, peguam defendan berhujah bahawa relif yang dipohon di bawah permohonan injunksi bersifat kekal, manakala sepatutnya ia perlu bersifat spesifik dan jelas; dan

(c) *writ saman untuk pendengaran inter partes*. Peguam terpelajar berhujah bahawa proses saman pemula hanya boleh digunakan untuk presiding ex parte. Apabila prosiding bergerak kepada peringkat inter partes, menurut En Ahmad Fadhli bagi pihak defendan pihak plaintif perlu membuat permohonan untuk menukarkan prosiding kepada writ saman.

[9] Saya berpendapat bahawa proses permulaan prosiding di sini telah dituruti secara sempurna oleh pihak plaintif. Tiada keperluan timbul untuk plaintif memfailkan writ saman bagi tujuan mendapatkan suatu injunksi interim. Tiada keperluan juga bagi pihak plaintif untuk membuat apa-apa permohonan untuk menukarkan saman pemula kepada writ saman apabila berada di peringkat pendengaran inter partes. Hujahan pihak defendan dalam

hal ini tidak disokong mana-mana peruntukan di dalam Kaedah-Kaedah Mahkamah 2012.

[10] Isu kedua adalah berkenaan hujahan bahawa sama pemula tidak disokong apa-apa afidavit. Setelah meneliti kertas-kertas kausa dalam kes ini, saya berpendapat bahawa tidak ada apa-apa prosedur atau kaedah mahkamah yang menghalang satu afidavit sokongan digunakan bagi tujuan menyokong kedua-dua notis permohonan dan saman pemula dalam kes ini. Sama ada keperluan timbul untuk memfailkan afidavit berasingan akan bergantung kepada plaintif sendiri, jika difikirkan bahawa fakta-fakta timbul untuk dikemukakan kepada mahkamah. Pada pendapat saya, penggunaan satu afidavit untuk menyokong dua permohonan berlainan tidak melanggar peruntukan A 28 k 3C, kerana dalam kes ini jelas dinyatakan di dalam saman pemula dan juga notis permohonan bahawa kedua-dua proses tersebut disokong oleh afidavit yang diikrarkan pada hari yang sama.

[11] Berkenaan dengan hujahan bahawa permohonan injunksi tersebut bersifat kekal: saya berpendapat bahawa injunksi interim yang diberikan secara ex parte sebelum ini tidak bermaksud untuk mengekang sebarang tindakan mahkamah setelah merit pertikaian di antara pihak-pihak didengar dan diputuskan, sama ada di mahkamah melalui writ saman yang telah difailkan oleh defendan, ataupun melalui proses timbangtara, sebagaimana yang disarankan oleh pihak plaintif.

[12] Dalam hal ini, saya telah mengarahkan supaya perintah mahkamah yang bakal disediakan dijelaskan supaya tiada keraguan timbul.

[13] Oleh kerana sebab-sebab di atas, permohonan defendan dalam kandungan 16 ditolak.

INJUNKSI FORTUNA

[14] Undang-undang yang terpakai di dalam suatu permohonan injunksi Fortuna sebenarnya tidak dipertikaikan di antara pihak-pihak. Oleh itu, memadai sahajalah jika saya ringkaskan seperti berikut.

[15] Injunksi Fortuna mengambil nama dari kes *Fortuna Holdings Pty Ltd v Deputy Federal Commissioner of Taxation* (1976) 2 ACLR 349, di mana suatu prinsip dirumuskan bahawa pemfailan suatu petisyen boleh ditahan atas dasar bahawa pemfailan tersebut merupakan suatu penyalahgunaan proses mahkamah. Terdapat dua situasi di mana injunksi tersebut boleh dibenarkan:

(a) pertama, apabila suatu persembahan petisyen mampu mengakibatkan kerugian yang tidak boleh dipulihkan kembali kepada syarikat berkenaan

dan di mana petisyen tersebut tidak mempunyai apa-apa peluang untuk berjaya; dan

(b) keduanya, apabila pempetisyen cuba membuat suatu tuntutan yang dipertikaikan melalui proses petisyen penggulungan, walhal terdapat prosedur alternatif yang lebih sesuai. Lihat *Mobikom Sdn Bhd v Inmiss Communications Sdn Bhd* [2007] 3 MLJ 316; [2007] 3 CLJ 295 (MR).

[16] Dalam kes ini, saya berpendapat bahawa keberhutangan yang disandarkan oleh pihak defendan bagi tujuan notis s 466 merupakan keberhutangan yang dipertikaikan secara bona fide oleh plaintif.

[17] Plaintif telah menegaskan bahawa keberhutangan RM29.7 juta yang dituntut oleh defendan perlu ditolak daripada kos yang telah dibiayai oleh plaintif dalam menggajikan kontraktor untuk menyiapkan kerja-kerja yang tertunggak dalam pakej CA-1. Pendirian plaintif adalah bahawa kos-kos kerja tertunggak tersebut adalah akibat daripada keingkaran pihak defendan.

[18] Oleh itu, adalah jelas bahawa pertikaian sama ada plaintif berhak membuat penolakan tersebut bergantung pula kepada isu sama ada penamatan kontrak oleh plaintif pada 21 Ogos 2018 adalah wajar di sisi undang-undang. Penamatan tersebut wajar jika sekiranya defendan telah melakukan suatu pelanggaran terma-terma asas kontrak di antara pihak-pihak.

[19] Dalam hal ini, defendan sendiri telah memulakan writ saman untuk mendapatkan deklarasi bahawa penamatan tersebut adalah salah di sisi undang-undang. Ini menunjukkan dengan tanpa apa-apa keraguan lagi bahawa keberhutangan yang didakwa oleh defendan sebenarnya dipertikaikan secara bona fide di antara pihak-pihak.

[20] Bergantung kepada alasan di atas, saya telah membenarkan saman pemula plaintif dengan kos, dimana kos tersebut tertakluk kepada alokatur.

[21] Saya juga membuat pemerhatian bahawa pihak defendan tidak membuat apa-apa rayuan terhadap keputusan mahkamah ini yang menolak permohonan defendan untuk memindahkan prosiding ini ke Mahkamah Tinggi Malaya di Kota Bahru.

Permohonan defendan ditolak dan saman pemula plaintif dibenarkan.

Dilaporkan oleh Ahmad Ismail Illman Mohd Razali